

3 IPT, NIOSH jalin kerjasama

Tiga universiti tempatan mencatat sejarah apabila menjadi Universiti Awam pertama di negara ini yang bekerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Kerjasama itu dijalankan bagi membangunkan bidang keselamatan dan kesihatan pekerja atau ergonomik.

Pengerusi Lembaga Pengarah NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, kerjasama itu membabitkan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) selain disertai Samsung Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (SEMA).

Lee berkata, kesedaran berhubung ergonomik syarikat atau majikan di negara ini masih di tahap rendah.

“Dengan termeterainya perjanjian jalinan kerjasama dengan tiga universiti terpilih ini, kajian ergonomik khususnya aspek keselamatan tempat kerja dapat dikembangkan,” katanya.